



PERATURAN PENGGUNAAN LOKER PERPUSTAKAAN

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Telefon : 06-2332293

Laman Web Perpustakaan : <http://library.kutkm.edu.my/portal>

Faks : 06-2332284

E-mel : library@kutm.edu.my

**PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA**


APRIL 2006

PENGENALAN

Perpustakaan menyediakan perkhidmatan penyewaan loker kepada para penggunanya. Loker-loker ini ditempatkan bersebelahan foyer dan pintu masuk Perpustakaan berjumlah 182 unit. Perkhidmatan ini hanya ditawarkan di Perpustakaan Kampus Industri, Cubic.

Kadar sewaan loker untuk satu semester adalah seperti berikut :

Jenis Loker	Bil Loker	Kadar Sewa/ Semester
4 Layer Saiz : 43cm tinggi 34.5cm lebar	56 unit	RM5.00
6 Layer Saiz : 28.5cm tinggi 34.5cm lebar	126 unit	RM3.00



Loker

PEMBERITAHUAN

Permohonan untuk menggunakan kemudahan ini boleh dibuat di Kaunter Sirkulasi.

PERATURAN

1. Permohonan penyewaan loker adalah terbuka kepada semua pelajar KUTKM.
2. Denda sebanyak RM10.00 akan dikenakan sekiranya kunci loker didapati hilang atau rosak.
3. Penyewa tidak dibenarkan membuat kunci pendua (duplicate). Denda sebanyak RM10.00 akan dikenakan sekiranya penyewa berbuat demikian dan pihak Perpustakaan berhak mengambil balik kunci tersebut.
4. Kelewatan memulangkan kunci loker akan dikenakan denda iaitu RM0.20 sehari.
5. Sebarang sampah atau makanan dan minuman adalah sama sekali dilarang ditinggalkan di dalam loker. Loker hendaklah dikosongkan dalam keadaan bersih pada akhir tempoh penyewaan.
6. Kunci loker mesti diambil dan dipulangkan sendiri. Pengambilan dan pemulangan kunci ini hendaklah ditandatangani pada buku Rekod Penyewaan Loker yang disediakan.
7. Kunci loker yang disewa tidak boleh diberikan kepada pihak lain dalam sebarang keadaan.
8. Perpustakaan tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan bahan yang disimpan di dalam loker yang disewa.